

2 beradik ingin kembali ke pangkuan ibu

RISDA rancang 5 projek utama tinggikan ekonomi

ALOR SETAR 4 Jan. - RISDA negeri menggariskan lima rancangan pembangunan utama yang pada keseluruhannya bertujuan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan seterusnya taraf sosio ekonomi pekebun kecil.

Kelima-lima rancangan tersebut, termasuklah rancangan tanam semula-janam baru dan tanam semula kedua getah, rancangan kredit, rancangan subsidi, rancangan bantuan latihan dan pembangunan masyarakat RISDA.

Menurut Pegawai RISDA Kedah/Perlis, Encik Abdul Rahman Ismail rancangan ini direncanakan melalui projek-projek yang menggunakan teknologi dan input-input baru serta bermutu tinggi.

Katanya, untuk mempercepatkan penyampaian, penerimaan dan penggunaan teknologi dan input-input baru, bahan input itu disediakan secara subsidi atau pun kredit.

Encik Abdul Rahman menyatakan demikian ketika memberi taklimat mengenai projek-projek pembangunan RISDA Negeri Kedah 1982 kepada ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negeri Kedah di bilik gerakan pejabat RISDA negeri di sini semalam.

Menurut beliau, rancangan tanam semula merupakan program yang terpenting dalam usaha-usaha pembangunan RISDA di mana di bawah program ini getah tua yang tidak ekonomik di tanam semula dengan getah-getah baru dari baka-baka yang bermutu

tinggi. "Dalam negeri ini kawasan getah tua yang telah didaftarkan ialah sebanyak 275,830 ekar dan daripada keluasan tersebut seluas 172,930 ekar telah di tanam semula" katanya.

Pada tahun ini, tambahannya RISDA negeri akan menanam semula baru dan tanam semula dua kali seluas 10,200 ekar dan nilai bantuan sebanyak 10,020,000.

Sementara itu rancangan kredit merupakan satu kemudahan dan bertujuan untuk memberi galakan kepada pekebun kecil yang berminat menjalankan projek-projek atau aktiviti-aktiviti dalam bidang ekonomi untuk meningkatkan hasil pengeluaran mereka.

Katanya, program ini diwujudkan memandangkan sumber pendapatan sebilangan besar pekebun-pekebun kecil dari kebun getah tidak mencukupi untuk menampung kehidupan keluarga mereka.

Di dalam bidang pertanian aktiviti-aktiviti yang diberi galakan termasuk tanaman kontan, baja, kimia racun rampai, pemulihan tanam semula, premium tanah, ternakan, ikan air tawar dan udang galah, jentera pertanian dan lain-lain.

Sementara aktiviti yang bukan berasaskan pertanian ialah perusahaan kecil seperti kredit runcit, bengkel motor, bengkel perabot, dan wang pusingan membeli getah, oleh Pusat Pembangunan Pekebun Kecil.

Rancangan subsidi pula, katanya, bertujuan untuk membantu pekebun kecil meningkatkan hasil pengeluaran mereka dengan menggunakan teknologi-teknologi baru, khususnya dalam pengurusan kebun-kebun tanam semula mereka.

Di bawah program ini, projek-projek subsidi yang diberikan keutamaan ialah baja, penggalak susu, kacang penutup bumi, tanaman kontan dan kimia racun rampai.

Menurut Encik Abdul Rahman, di bawah rancangan bantuan pula, lapan perkara di titik beratkan iaitu pusat pembangunan pekebun kecil, kelas Tadika, perkumpulan wanita pekebun kecil, projek prasarana, projek pemasaran, depo pembelian, koperasi dan projek mini estet.

Sementara itu untuk meningkatkan lagi pengetahuan teknik dan penyusunan kepada pekebun-pekebun kecil, RISDA juga mengaturnkan berbagai latihan dan kursus-kursus penerangan.

Di bawah unit ini, setiap pekebun kecil di beri latihan dan kursus orientasi sivik untuk pembaharuan sikap dengan bertujuan bagi melahirkan pemimpin peringkat bawahan di kalangan pekebun kecil sendiri.

Selain dari itu, terangnya, aspek penerangan juga akan ditekankan untuk memberi seluas-luas penerangan kepada pekebun kecil tentang kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh RISDA dan mendapatkan maklumat balas, tentang masalah mereka.

Beri tunjuk ajar kepada rakyat Kanada

JOHOR BAHRU, 4 Jan. - Rakyat Malaysia hendaklah memberikan tunjuk ajar kepada rakyat Kanada bagaimana adat resam dan kehalusan budi tetapi tegas yang menjadi amalan masyarakat Melayu yang menjadi teras politik negara ini.

Ketua rombongan belia Kanada yang datang ke Johor di bawah rancangan anak angkat dalam siri program pertukaran lawatan belia Malaysia Kanada, Encik Tim Tilden semasa istiadat penyerahan anak angkat itu di sini kelmarin berkata para belia beliawan Kanada sangat cenderung untuk mempelajari cara hidup umat Islam di Malaysia yang berdisiplin dan baik hati itu.

"Semasa kami tinggal dengan keluarga angkat selama dua bulan ini, kami berharap ibu bapa angkat kami mudah memberi pelajaran dan berilah tunjuk ajar kepada kami" tambah Encik Tim Tilden.

Katanya, kami merasa bertuah dapat diterima sebagai anak angkat oleh orang-orang Melayu di Johor Bahru dan Kota Tinggi serta mahu pula menganggap kami seperti anak-anak sendiri.

Mereka seramai 14 orang lapan belia Kanada dan enam Malaysia di tempatkan di dua kawasan yang berlainan, iaitu di Daerah Kota Tinggi dan Daerah Johor Bahru.

Mereka akan berada selama dua bulan dengan keluarga angkat masing-masing.

Masyarakat India Kedah sokong wakil2 MIC mahir dalam Bahasa Malaysia

ALOR SETAR, 4 Jan. - Kalangan masyarakat India di Kedah menyokong penuh kenyataan Presiden MIC Datuk Samy Vellu supaya calon-calon wakil rakyat dari MIC mesti mempunyai pengetahuan baik dalam Bahasa Malaysia.

Mereka berpendapat, sudah sampailah masanya setiap warganegara yang bermastautin di negara ini mengetahui sepenuhnya bahasa tersebut. "Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi, maka tidak sepatutnya sebagai warganegara yang taat setia tidak mengetahui Bahasa Malaysia selain dari bahasanya sendiri", kata mereka.

Presiden MIC Kota Setar Selatan, Dr. E. Krisnan ketika diminta pendapat menyatakan sokongan penuhnya terhadap kenyataan Datuk Samy Vellu itu.

Sebagai wakil rakyat, calon-calon dari MIC itu harus fasih dalam bahasa tersebut dan ini akan memudahkan mereka bila berdebat dalam Dewan Negeri mahupun Dewan Rakyat.

"Calon-calon MIC untuk dipilih dalam pilihanraya akan datang hendaklah dari mereka yang tahu dalam Bahasa Malaysia kerana bahasa tersebut adalah bahasa rasmi negara", tambahnya.

Seorang lagi tokoh MIC yang tidak mahu namanya disebut berkata, sudah sampailah masanya calon-calon MIC dalam Barisan Nasional mengetahui Ba-



DATUK SAMY VELLU

hasa Malaysia. Katanya, kalau seseorang itu boleh menguasai bahasa, ianya tidak akan menimbulkan sebarang masalah bukan sahaja dalam Dewan tetapi dalam majlis-majlis rasmi.

Kenyataan Datuk Samy Vellu ini juga telah disokong oleh beberapa pertubuhan belia India di Kedah.

Ketua seksi wanita India Kedah Cik S. Usha Dewi berpendapat, bahawa Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi yang sepatutnya di patuhi oleh seluruh rakyat khususnya kalangan orang India sendiri.

Rancangan KETENGAH: Belia2 dinasihati ambil peluang

KUALA TRENGGANU, 4 Jan. - Pengarah Sektor Latihan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Encik Abdul Manaf Ibrahim, menasihati belia-belie Trengganu supaya mengambil peluang-peluang yang terbuka dalam rancangan KETENGAH dan juga projek-projek yang berasaskan petroleum di negeri ini sekarang.

Beliau berkata, sekiranya peluang-peluang itu tidak direbut dan dibiarkan begitu sahaja ia akan diambil oleh orang lain dari luar Trengganu dan "belia-belie Trengganu akan menjadi malang nasib Pak Kaduk, menang sorak kampung tergedai".

Encik Abdul Manaf menegaskan, dengan wujudnya rancangan KETENGAH dan lain-lain projek petroleum ia akan membuka banyak peluang yang boleh meningkatkan ekonomi dan lain-lain lagi. Beliau menegaskan,

gaku akan menjadi malang nasib Pak Kaduk, menang sorak kampung tergedai".

Encik Abdul Manaf menegaskan, dengan wujudnya rancangan KETENGAH dan lain-lain projek petroleum ia akan membuka banyak peluang yang boleh meningkatkan ekonomi dan lain-lain lagi. Beliau menegaskan,

dalam rancangan KETENGAH di mana lima buah bandar akan wujud hingga sekarang masih belum lagi direbut peluang-peluang oleh kaum belia" dan hal ini kalau dibiarkan akan terlepas ke tangan orang lain".

Oleh itu, kata pengarah sektor latihan itu, kaum belia hendaklah mengorak langkah dari

sekarang bagi merebut peluang-peluang yang terbuka luas itu.

Tapak

Berucap dalam konvensyen belia-belie Trengganu di sebuah motel terkenal di sini petang kelmarin, Encik Manaf memberitahu, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

sedang mencari satu kawasan tanah seluas 20 ekar di Trengganu untuk dijadikan tapak bagi mengadakan khemah kerja belia Islam sedunia.

Beliau berkata, khemah kerja belia Islam sedunia yang diadakan di Kuala Lumpur tahun lalu mendapat kejayaan dan pihak berkenaan telah memilih Malaysia sebagai penganjur tetapnya.

Mesyuarat GPMS

TAIPING 4 Jan. - Jawatankuasa sementara Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Cawangan Taiping akan mengadakan mesyuarat kali keduanya di Sekolah Menengah Dr. Burhanuddin pada pertengahan Januari ini.

Setiausaha sementara GPMS Cawangan Taiping, Encik Rasdi Ramli memberitahu, mesyuarat tersebut adalah khusus untuk membincangkan tarikh perasmian penerbitan semula GPMS cawangan ini.

Merasa selesa dengan Ppg's®

Nikmatnya hidup! Hebat dan menarik, Ppg's dapat membuat anda merasa selesa.

